

**PETRONAS DAGANGAN BERHAD** (88222-D)

8 April 2010

**SURAT PEKELILING WAKIL PENJUAL: 028/2010**

**KEPADA: SEMUA RAKAN NIAGA STESEN SERVIS PETRONAS**

Rakan Niaga,

**PEMBERIAN BARANGAN PERCUMA OLEH SINDIKET DI STESEN PETRONAS**

Pekeliling ini disampaikan berdasarkan pemberitahuan dari pihak Unit Pengurusan Reputasi, Jabatan Jenama, PETRONAS Dagangan Berhad (PDB).

Adalah dimaklumkan bahawa PDB telah mengenalpasti sekumpulan sindiket yang beroperasi di stesen-stesen minyak sekitar Malaysia yang membuat pemberian barangan percuma seperti rantai kunci, patung-patung kecil, 'flipflop' dan sebagainya kepada pelanggan yang mengisi minyak di stesen.

Hasil dari siasatan yang dijalankan, PDB telah mengenalpasti modus operandi sindiket tersebut seperti berikut:-

- Barangan percuma ini yang diberikan kepada pelanggan mempunyai alat pengesan di dalamnya. Kumpulan sindiket kemudian akan mengesan pergerakan dan lokasi rumah pelanggan melalui 'signal' yang dipancarkan dari barangan tersebut sebelum melakukan sebarang aktiviti jenayah.
- Untuk mengaburi pihak berkuasa, kumpulan sindiket ini beroperasi pada waktu rawak.

Sehubungan dengan itu, Rakan Niaga (RN) adalah diingatkan untuk sentiasa memantau aktiviti – aktiviti yang dinyatakan di atas dan melaporkan terus kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat sebarang transaksi/aktiviti yang meragukan berlaku di stesen RN.

Selain itu, sebarang inisiatif dari RN sendiri khususnya pemberian barangan percuma kepada pelanggan seharusnya mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pengurus Kawasan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Official Sponsor



Yang benar,  
b/p **PETRONAS** Dagangan Berhad



**FIRDAUS ROZALLI**

Pengurus Kanan

Jabatan Jualan Runcit dan Operasi

- s.k.
1. Encik Zainal Abidin B Othman  
Pengurus Besar  
Jabatan Jualan Runcit dan Operasi
  2. Cik Natesa Yuslina bt M Kamil  
Pengurus Kanan  
Jabatan Jenama
  3. YM Raja Mazhar Mohar B Tun Raja Mohar  
Pengurus Kanan  
Pusat Perkhidmatan Pelanggan
  4. Encik Jamaludin B Bahaudin  
Pengurus Kanan  
Bahagian Perkhidmatan Kad
  5. Encik M Nasir B Ismail  
Pengurus Kanan  
Jabatan Kedai Mesra
  6. Pengurus Jualan Runcit  
Wilayah Tengah 1 / Wilayah Tengah 2 / Utara 1 / Utara 2 / Selatan /  
Barat / Timur / Sabah / Sarawak
  7. Pengurus Jualan Mesra  
Kawasan 1 / Kawasan 2 / Kawasan 3